

Media Title : Sinar Harian  
Headline : Pelajar IPT rugi ditipu sindiket  
Date : 10 January 2023  
Section : MAHKAMAH&JENAYAH  
Page : 15



# Pelajar IPT rugi ditipu sindiket

RM54,150 lesap diperdaya individu menyamar polis dan pegawai Kementerian Komunikasi

Oleh NIK AMIRULMUMIN  
NIK MIN  
KUANTAN

**S**eorang pelajar perempuan dari sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) di sini berputih mata apabila wang hasil tabungan sejak kecil berjumlah RM54,150 hilang akibat sindiket penipuan.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, mangsa yang berasal dari Perak yang berusia 21

tahun itu terpedaya dengan taktik penyamaran suspek sebagai pegawai polis dan Pegawai Kementerian Komunikasi.

"Mangsa menerima panggilan daripada seorang 'anggota polis' pada 31 Disember. Panggilan seterusnya disambung kepada 'pegawai' Kementerian Komunikasi dan Digital sebelum diberitahu mangsa terlibat dengan penyebaran iklan palsu berkaitan aktiviti perjudian, penyeludupan dadah dan pengubahan wang haram.

"Bimbang berdepan tindakan undang-undang, mangsa membuat bayaran seperti diarahkan untuk menyelesaikan kes dihadapinya itu.

"Mangsa telah membuat 12



RAMLI

transaksi pembayaran melalui tiga akaun berbeza," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Ramli berkata, selepas bayaran dibuat, mangsa menyedari telah ditipu dan menanggung kerugian sebanyak RM54,150.

"Orang ramai dinasihatkan agar tidak mudah percaya sekiranya menerima panggilan meragukan.

"Buat semakan terlebih dahulu dengan pihak polis atau agensi kerajaan berkenaan bagi mengelakkan menjadi mangsa penipuan," jelasnya.

Tambah beliau, orang ramai juga perlu tahu bahawa polis dan penguat kuasa mana-mana agensi tidak menjalankan siasatan melalui panggilan telefon.